

PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN BERKESAN DI TAPAK BINA DARI  
PANDANGAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN TAPAK

MAUREEN AMBROSE

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

## ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan antara industri yang sangat penting dalam mengerakkan pembangunan di Malaysia dan seterusnya menjana kepada perkembangan ekonomi negara. Kerancakkan industri pembinaan ini dalam usaha meningkatkan kepesatan ekonomi negara telah memberi kesan kepada aspek keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina penting dan perlu di pandang serius serta menjadi sebahagian daripada pengurusan suatu projek pembinaan. Bagi mencapai sasaran sifar kematian di tapak pembinaan, lebih banyak langkah pencegahan keselamatan dan kesihatan perlu dilakukan. Walaupun banyak akta, undang-undang dan peraturan telah diperkenalkan oleh badan-badan yang berkaitan, tetapi masih terdapat kemalangan berlaku di tapak bina. Kajian ini dilaksanakan bagi memastikan suatu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan (SPKK) yang berkesan di tapak bina dilaksanakan. Oleh itu, bagi memastikan suatu SPKK berkesan dilaksanakan di tapak bina, adalah penting untuk mengetahui apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai keselamatan dan kesihatan (PKK) tapak. Objektif kedua pula adalah untuk mengenalpasti pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini. Seramai 30 responden telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan yang berada di tapak bina berjumlah RM20 juta dan ke atas. Hasil kajian ini menunjukkan kurang komitmen pihak atasan dalam melaksanakan SPKK di tapak bina dan kadar penglibatan pekerja yang rendah dalam menjayakan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh PKK. Menekankan bahawa sokongan pihak atasan dalam melaksanakan SPKK merupakan pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh PKK.

## **ABSTRACT**

The construction industry is among industries that are important to boost the development in Malaysia and become the main source for economic enhancement. The rapid action and endeavor of the construction industry in order to enhance the economy development has given an impact to the safety and health aspect at the construction site. The management of safety and health at the construction site is important thus needed to be taken seriously and to be count as one vital component in managing a particular construction project. In order to attain zero death at the construction site, there would be more prevention method of safety and health to be established. Though there are acts, laws and rules have been made by the government and any other related organizations, there are still many incidents and accidents happening at the construction site. Therefore, this study has been carried out in order to ensure an effective management of safety and health system is practiced at the construction site. By this, it is important to know beforehand of the problems that are faced by the safety and health officers (SHO) in order to implement the program at the worksite. The second objective is to identify any suitable approach to overcome these problems. There are 30 respondent has been assigned as this research sample by using purposive sampling method whom working at construction site which running a project of RM20k and above. The research findings show that the main problems that the SHO faced are the behavior of some superiority that are not really committed in performing and implementing SPKK at the construction site as well as the low rate of workers' involvement in any safety and health activities. Therefore, the support from superiority in the implementation of SPKK is the most suitable and effective approach to overcome the problems faced by the SHO.